

SOALAN NO: 130

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN**  
**[ PENKALAN CHEPA ]**  
**TARIKH : 23 MEI 2016**  
**SOALAN :**

**YB Dr Haji Izani bin Haji Husin [ Pengakalan Chepa ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah *Standard Of Procedure* yang perlu dipatuhi oleh pengusaha makanan di kantin dan asrama sekolah memandangkan berlakunya peningkatan kes keracunan makanan dalam kalangan pelajar

**Tuan Yang di-Pertua,**

Penyediaan makanan di kantin sekolah dan di dapur asrama sekolah oleh pengusaha makanan, perlu mematuhi Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan berkaitan di bawahnya.

Bagi sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama pihak KPM telah mengeluarkan beberapa garis panduan mengenai penjagaan kebersihan dan keselamatan makanan bagi memudahkan pengusaha makanan memahami segala keperluan yang perlu dipatuhi. Antara garis panduan berkenaan adalah :

- i. Garispanduan Kantin Sekolah;
- ii. Garispanduan Pelaksanaan Pemakanan Sihat di Sekolah; dan
- iii. Panduan Rancangan Makanan Tambahan di Sekolah.

Di samping itu, KKM telah menyediakan Garispanduan Mass Katering untuk rujukan pengusaha makanan.

Garis panduan ini terpakai kepada sekolah-sekolah lain yang bukan di bawah pengurusan KPM.